

Media Title : Harian Metro
Headline : Duit RM60k lesap terjebak ditipu 'pegawai BNM'
Date : 3 August 2025
Section : Lokal
Page : 10



Duit RM60k lesap terjebak ditipu 'pegawai BNM'

Tangkak: Seorang lelaki warga emas berputih mata apabila wang simpanan berjumlah hampir RM60,000 lesap angkara terperdaya dengan sindiket penipuan menyamar sebagai pegawai Bank Negara Malaysia (BNM).

Mangsa berusia 69 tahun sebelum itu mendakwa menerima khidmat pesanan ringkas daripada suspek terbabit.

Ketua Polis Daerah Tangkak, Superintendant Roslan Mohd Talib berkata, akibat percaya, mangsa memberikan maklumat perbankan atas talian kepada individu

terbabit, kelmarin.

Menurutnya, sebaik berjaya mendapat akses daripada mangsa, individu terbabit segera memindahkan wang dalam akaun lelaki itu.

“Siasatan mendapati suspek memindahkan wang berjumlah RM57,290 ke dalam akaun disyaki *mule* yang mana ia membabitkan empat transaksi,” katanya dalam satu kenyataan.

Katanya, mangsa yang menyedari tertipu kemudian membuat laporan polis dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.